

Headline	Tipu upah haji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 May 2015	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	32	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	169 cm ²
Journalist	Muhammad Apendy Issahak	AdValue	RM 3,796
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,388



Tipu upah haji

■ JAWHAR pantau pihak tawar kadar rendah melalui poster pada pokok

Oleh Muhammad Apendy Issahak
 apendy@hmetro.com.my
 Ipoh

Selepas penipuan pakej umrah dan haji, kini perkhidmatan upah haji atau badal haji pula di-khuatiri menjadi satu bentuk penipuan terhadap umat Islam di negara ini dengan penyebaran pelbagai tawaran perkhidmatan terbabit menerusi risalah yang ditampal di tempat tumpuan awam serta masjid dan surau.

Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Mohd Bakri Ibrahim berkata, pihaknya kini sedang memantau perkara itu.

Menurutnya, ketika ini terdapat banyak risalah, poster atau sepanduk yang ditampal di beberapa tempat tumpuan awam seperti pokok yang menawarkan perkhidmatan badal haji pada kadar harga serendah

RM1,500 seorang.

Katanya, setiap tahun kebiasaannya Lembaga Tabung Haji (TH) menetapkan kuota 2,500 orang untuk melaksanakan badal haji dan hanya memberikannya kepada 17 daripada 61 syarikat pengelola haji yang ada perjanjian muassasah, untuk melaksanakannya.

“Ini bermakna kemampuan untuk melakukan badal haji tidak banyak dan kebiasaannya kita tidak cukup orang untuk melakukannya disebabkan satu orang hanya boleh mengambil satu upah haji sahaja.

“Jadi, bila ada risalah yang sudah ditampal di pokok selama setahun menawarkan badal haji murah beserta nombor telefon pengelolanya, kita tidak tahu berapa ramai orang yang sudah menelefon nombor itu meminta perkhidmatan berkenaan,” katanya ketika menyampaikan taklimat bertajuk [P peranan JAWHAR Dalam Majlis Kawal Selia Umrah & Ke-

sedaran Berkaitan Penipuan Pakej Umrah’ di sini semalam.

Taklimat itu disampaikan pada majlis Kempen Kesedaran Mengenai Penipuan Pakej Umrah/Ziarah dan Hak Kepenggunaan 2015 Peringkat Negeri Perak anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan selama sehari dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Perak, Datuk Nolee Ashilin Mohamed Radzi.

Perkhidmatan badal haji kebiasaannya diminta oleh waris seseorang Islam yang meninggal dunia yang ketika hidupnya tidak sempat menunaikan haji.

Mohd Bakri juga meminta kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) atau mana-mana pihak berkuasa agar menurunkan mana-mana risalah atau sepanduk mengenai pakej umrah dan haji atau perkhidmatan badal haji yang meragukan.